

Newspaper	Berita Harian
Date	21 February 2016

Najib lawat Bung Mokhtar



Najib menziarahi Bung Mokhtar di Pusat Perubatan Prince Court, **di ibu negara, semalam. Turut kelihatan, Datin Nor Asidah.**

[FOTO BERNAMA]

Kuala Lumpur: Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak semalam mengunjungi Ahli Parlimen Kinabatangan, Datuk Bung Mokhtar Radin yang menjalani rawatan pemindahan buah pinggang di luar negara, baru-baru ini.

Najib meluangkan masa 15 minit di Pusat Perubatan Prince Court, di sini, yang mana Bung Mokhtar menerima rawatan pemulihan sejak dua minggu lalu. Beliau diiringi Pengarah Perubatan hospital itu, Datuk Dr Kuljit Singh.

Isteri Bung Mokhtar, Datin Nor Asidah Alimuddin, berkata keadaan suaminya semakin pulih dan doktor menasihatkannya berehat.

Dalam lawatan itu, Najib turut melawat seorang pesakit dari Pekan, Pahang, Mohd Nawawi Mohd Aris, 26, yang menerima rawatan akibat jangkitan kuman.

Pemimpin berhati mulia

Bapanya, Mohd Aris Ismail, berkata Najib seorang pemimpin berhati mulia kerana sanggup menziarahi anaknya.